

08/12/2000

Michael Chen angkat sumpah Yang di-Pertua Dewan Negara

KUALA LUMPUR, Khamis - Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Datuk Michael Chen hari ini dilantik sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara, menggantikan Tan Sri Mohamed Ya'acob.

Pelantikan Chen, 68, dicadangkan oleh Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan disokong Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu.

Sebaik saja sidang bermula, Setiausaha Dewan Negara, Datuk Abdullah Abdul Wahab mengumumkan pihak Dewan menerima hanya satu nama daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk dicadangkan sebagai Yang Dipertua Dewan Negara mengikut Perkara 56 Perlembagaan Persekutuan.

Oleh itu, katanya, Chen dilantik sebagai Yang Dipertua Dewan Negara mengikut peraturan 2 (3) mesyuarat Dewan.

Chen, yang dilahirkan di Chenderiang, Perak ialah peguam berkelulusan Lincoln's Inn pada 1961.

Pengumuman perlantikan itu disambut tepukan meja oleh anggota Dewan Negara sebagai tanda ucapan tahniah.

Chen berpengalaman luas dalam kerajaan termasuk sebagai Setiausaha Parlimen dari 1964-1969, Menteri Tugas Khas (1973-1974), Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Pembangunan Luar Bandar (1974-1979) di samping pernah menjadi Pengerusi Lembaga Pelabuhan Klang.

Chen yang akan tamat tempoh jawatan senatornya pada April 2003 kemudiannya memakai songkok serta jubah Yang di-Pertua sebelum mengangkat sumpah memegang jawatan.

Dalam ucapan ringkasnya, beliau berterima kasih kepada Yang di-Pertuan Agong, Dr Mahathir serta kerajaan kerana memberi kepercayaan kepadanya untuk memegang jawatan itu.

(END)